



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI JOHOR,  
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,  
MENARA TABUNG HAJI,  
JALAN AYER MOLEK,  
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318  
Faks : 07-2239322  
Laman web : www.anm.gov.my

Ruj. Kami : JANM.JHR.100-1/6/1(12)  
Tarikh : 12 Jun 2023  
23 Zulkaedah 1444H

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB  
JABATAN PERSEKUTUAN NEGERI JOHOR**

YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI JOHOR  
BIL. 10 TAHUN 2023: PENYERAGAMAN PENGGUNAAN KOD AKAUN (CARTA  
AKAUN AKRUAN - CAA), PERIHAL DAN MODUL BAYARAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 6 Tahun 2023 bertarikh 4 Jun 2023 adalah juga berkaitan.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan, satu platform iaitu MyCODE telah dibangunkan bagi tujuan menyeragamkan penggunaan kod akaun (CAA), perihal dan modul bayaran yang kerap digunakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). MyCODE ini telah mengambilkira maklumat perihal Pesanan Kerajaan / Arahan Pembayaran yang tepat sepertimana maklumat yang diperlukan tertera di Penyata Bank penerima bayaran. Maklumat perihal bayaran hendaklah menyatakan nombor invois dan tujuan bayaran / keterangan yang bersesuaian mengikut jenis bayaran. Selaras dengan kemudahan di sistem bank, hanya 20 aksara pertama sahaja yang tertera di Penyata Bank penerima bayaran seperti di **Lampiran 1**.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ boleh merujuk kepada MyCODE sebagai panduan dan rujukan bagi penyediaan Pesanan Kerajaan / Arahan Pembayaran dan transaksi-transaksi lain yang berkaitan. MyCODE ini boleh diakses melalui pautan berikut :

<https://shorturl.at/jqTW5>

PTJ perlu merujuk bersama pekeliling / surat pekeliling Carta Akaun Akruan / arahan yang berkuat kuasa bagi penjelasan lanjut / kod akaun yang tidak disenaraikan di dalam MyCODE.

4. Arahan ini adalah **berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023** dan surat daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Bahagian Pengurusan Operasi Cawangan (BPOC) rujukan ANM(OC) 07/7 Jld.6 (24) bertarikh 10 Julai 2007 adalah terbatal.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Johor

**CONTOH CATATAN PERIHAL BAYARAN MENGIKUT JENIS DAN PENERIMA BAYARAN**  
(sistem iGFMAS membenarkan perihal sehingga 100 aksara, walau bagaimanapun hanya **20 aksara pertama** sahaja yang tertera di Penyata Bank)

**1. Bayaran Kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Yang Memberikan Perkhidmatan**

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor rujukan yang mengandungi maklumat kod PTJ yang memberikan perkhidmatan dan nombor invois seperti berikut :

Kod PTJ	Nombor Invois/ Rujukan
27020701	12345678

**Contoh perihal bayaran kepada PTJ :**

- i. 27020701/12345678 – Perkhidmatan ujian sampel oleh Jabatan Kimia
- ii. 27020701/87654321 – Bayaran sewaan canopy untuk program Hari Sukan Negara

**2. Bayaran Kepada Pembekal**

Perihal pembayaran bagi perolehan melalui sistem ePerolehan adalah seperti yang telah diformatkan secara auto yang menyatakan maklumat invois dan nombor rujukan.

Manakala perihal bayaran bagi perolehan selain sistem ePerolehan hendaklah mengandungi nombor rujukan invois dan tarikh seperti berikut :

No. Invois	Tarikh
BC12345W	11042023

**Contoh perihal bayaran kepada Pembekal :**

- i. BC12345W/11042023 – Pembelian lesen perisian
- ii. ABC123S/11042023 – Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) Di Hospital Sungai Buloh Bagi Bulan April 2023

### 3. Bayaran Kepada Individu/ Pemegang Panjar

Perihal bayaran hendaklah mengandungi catatan ringkas jenis bayaran, bulan dan tahun seperti berikut :

Catatan ringkas	Bulan	Tahun
TNT/ CERAMAH	04	2023

**Contoh perihal bayaran kepada Individu/ Pemegang Panjar :**

- i. TNT 04/2023 – Tuntutan Perjalanan bulan April 2023
- ii. CERAMAH 04/2023 – Bayaran suguhati penceramah bukan kakitangan awam
- iii. 202111134003 – Reкупmen Panjar Khas Bulan Mac 2023

*ID dijana secara auto dari sistem*

### 4. Bayaran Kepada Agensi Pukal (Arahan Pembayaran berdasarkan keperluan sahaja seperti akaun belum dipukalkan)

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor akaun, nombor invois dan tarikh seperti berikut :

Nombor akaun (Tertakluk kepada bilangan digit yang ditetapkan oleh agensi)	No. Invois	Tarikh Invois
324443423523	9004063287	01.04.2023

**Contoh perihal bayaran kepada Agensi :**

324443423523/9004063287/01042023 - Bayaran bil utiliti eletrik pejabat 04/2023

## 5. Bayaran Yang Memerlukan Kelulusan Khas

PTJ hendaklah mengunci masuk No. Rujukan Kelulusan dan Tarikh Kelulusan dalam Perihal Bayaran bagi bayaran yang mendapat kelulusan Khas dari Kementerian Kewangan (MOF), Pegawai Pengawal Kementerian atau Pejabat Perakaunan (contoh : Kelulusan JANM / Pegawai Pengawal bagi pembayaran di bawah AP58(a)).

### **Contoh perihal bayaran :**

- i. 2111075190/18.12.22/0139426004 - Bayaran Bil Telefon 12/2022. Rujukan: **JANM.JHR.600-1/3/16(32) bertarikh: 16.02.2023**
- ii. PON/BEMS/21011/02.12.2021 - Bayaran PSH BEMS 11/2021. Rujukan: **KKM.400-4/2/27 JLD.4(18) bertarikh : 29.11.2022**

## 6. Bayaran Gaji / Upah Kepada Pegawai Lantikan Tetap / Kontrak / MySTEP (di luar sistem *Payroll*)

### i. **Bayaran Gaji - Lantikan Tetap / Kontrak**

Perihal bayaran bagi Gaji Pegawai Lantikan Tetap / Kontrak hendaklah mengandungi No. Rujukan Kelulusan dari Unit Gaji, JANM Johor.

### **Contoh perihal bayaran :**

- i. GAJI 04/2023 Mohd Sharnaaz (Lantikan Baru). Rujukan: **JANM.JHR.300-1/2/3(45)**
- ii. GAJI 05/2023 Azizan Razak (CTG). Rujukan: **JANM.JHR.300-1/2/3(59)**

### ii. **Bayaran Upah - MySTEP**

### **Contoh perihal bayaran :**

MySTEP 04/2023 Haris Ismail

**TINDAKAN INI ADALAH UNTUK PUSAT TANGGUNGJAWAB DI BAWAH JANM JOHOR SAHAJA**

## 7. Bayaran Caruman Kepada Badan Berkanun - KWSP/PERKESO

### i. Caruman KWSP

Perihal Bayaran mengandungi 20 aksara (dijana secara auto selepas mengunci masuk pada ruangan No. Rujukan Majikan, Bulan Caruman, Jenis Bayaran dan Negeri)

Maksimum 100 aksara.

No. Rujukan Majikan (9 digit)	Bulan Caruman (6 digit)	Jenis Bayaran	Negeri (4 digit)
001842200	042023	A	1001

#### Contoh perihal bayaran :

001842200042023A1001

#### Nota Penting :

- PTJ hendaklah menyediakan Baucar Arahan Pembayaran KWSP bersekali dengan Baucar Arahan Pembayaran Gaji/Upah MySTEP.
- Pastikan Maklumat Penerima (Pembekal) adalah seperti berikut:

**Pembekal** : 2400000260  
**Nama** : KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

**TINDAKAN INI ADALAH UNTUK PUSAT TANGGUNGJAWAB DI BAWAH JANM JOHOR SAHAJA**

ii. **Caruman PERKESO**

Perihal Bayaran mengandungi 20 aksara terdiri daripada No. Rujukan Majikan, Bulan Caruman dan Kod AO (01).

<b>No. Rujukan Majikan (12 digit)</b>	<b>Bulan Caruman (6 digit)</b>	<b>KOD AO (2 digit)</b>
E1400078147P	022023	01

**Contoh perihal bayaran :**

E1400078147P02202301

**Nota Penting :**

- PTJ hendaklah menyediakan Baucar Arahan Pembayaran PERKESO bersekali dengan Baucar Arahan Pembayaran Upah MySTEP dan KWSP.
- Pastikan Maklumat Penerima (Pembekal) adalah seperti berikut:

**Pembekal : 2400000361**  
**Nama : PERKESO (AKAUN PUNGUTAN CARUMAN)**